

**PENYATA PENDEDAHAN PRODUK – SEKTOR AWAM**

(Sila baca Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Kad-i Korporat BSN Visa. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am).

**BANK SIMPANAN NASIONAL****PRODUK: KAD-i KORPORAT BSN VISA****TARIKH :**

(untuk diisi oleh Wakil Jualan / Cawangan)

**1. Apakah produk ini?**

Kad-i Korporat BSN Visa adalah kad kredit Islamik berdasarkan prinsip Syariah Ujrah (yuran sebagai balasan ke atas perkhidmatan yang disediakan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan) dan Qard merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam, di mana pada akhirnya, bayaran balik pinjaman adalah sama dengan jumlah yang dipinjam.

Kad-i Korporat BSN Visa adalah kad yang direka khusus untuk memenuhi keperluan perniagaan yang menawarkan kemudahan dan kuasa perbelanjaan yang anda perlukan untuk membayar perjalanan rasmi atau perbelanjaan berkaitan perniagaan (jenis pembelian tertakluk kepada perjanjian antara Organisasi dan BSN) di dalam negara dan di luar Negara.

Kad ini adalah kemudahan Kad Kredit ("Kemudahan Kad Korporat") yang diberikan oleh BSN kepada suatu organisasi atau entiti perniagaan di bawah kemudahan kad ini, pihak Organisasi boleh memohon kepada kami untuk mengeluarkan Kad-i Korporat BSN Visa kepada pekerjaan atau calon lain yang diberi kuasa (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang Kad").

Jika sebarang jumlah kemudahan yang digunakan oleh Pemegang Kad tidak diselesaikan sepenuhnya pada/ sebelum tarikh matang oleh pihak Organisasi, amaun yang belum diselesaikan akan dikenakan yuran pengurusan sebenar. Pihak Organisasi bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua caj yang dikenakan ke atas Kad. Pemegang Kad tidak bertanggungjawab terhadap caj yang dikenakan ke atas Kad tersebut. Untuk maklumat lanjut Kad-i Korporat BSN Visa, sila layari [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my)

**2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?****• Pulangan tunai**

0.5% untuk semua transaksi runcit di dalam negara dan 1% untuk semua transaksi runcit di luar negara, tidak termasuk transaksi petrol, perkhidmatan kerajaan dan pembayaran melalui JomPAY dan *Financial Process Exchange* (FPX). (Tertakluk kepada perubahan BSN dari masa ke semasa). Pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam Kad-i Korporat BSN Visa masing-masing dalam kitaran pengebiliran/penyata berikutnya.

**• Tempoh Tanpa Yuran Pengurusan**

Untuk transaksi runcit – Nikmati tempoh tanpa yuran pengurusan sehingga 59 hari dari tarikh pengeposan transaksi (tertakluk sehingga 29 hari dari tarikh Penyata jika Transaksi Runcit bulan terdahulu dibayar sepenuhnya).

**• Tawaran Komersial Visa**

Sebagai Pemegang Kad-i Korporat BSN Visa, Organisasi dan/atau Pemegang Kad boleh menikmati tawaran-tawaran perniagaan dan menjamu selera yang eksklusif.

**• Had Kemudahan**

Had kemudahan Kad-i Korporat BSN Visa ditentukan berdasarkan penilaian kredit Organisasi.

**• Talian Khidmat Pelanggan untuk pertanyaan mengenai akaun Kad-i Korporat anda.****3. Apakah tanggungjawab saya?**

- Bayaran minimum bulanan - Organisasi hendaklah membuat bayaran **PENUH** ke atas semua Baki Tunggakan Pemegang Kad.
- Liabiliti tunggal - Organisasi bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad.

- Organisasi dan/atau Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah bagi mengelakkan kehilangan atau kecurian Kad-i Korporat BSN Visa. Organisasi dan/atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan BSN melalui telefon, faks atau emel dengan segera apabila mendapati Kad-i Korporat mereka hilang atau dicuri dan mengesahkan perkara tersebut secara bertulis kepada BSN.
- Semua Transaksi Runcit yang belum dijelaskan akan dikenakan Yuran Pengurusan yang dikira pada setiap hari jika pembayaran tidak diterima dengan PENUH pada atau sebelum penyata perlu dibayar.
- Organisasi dan/atau Pemegang Kad hendaklah menggunakan Kad-i Korporat BSN Visa secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad-i Korporat BSN Visa untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang, tidak melakukan apa-apa transaksi yang tidak mematuhi Syariah dan tidak dibenarkan membuat transaksi pelaburan perniagaan dalam mana-mana mata wang asing.
- Organisasi dan/atau Pemegang Kad mesti menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.
- Organisasi dan/atau Pemegang Kad mesti mematuhi terma dan syarat untuk penggunaan Kad-i Korporat BSN Visa.

#### 4. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar?

<b>Yuran dan Caj</b>	<b>Perihalan</b>
Yuran Tahunan	Percuma sepanjang hayat
Yuran Pendahuluan Tunai	Tidak berkenaan <i>Nota: Fungsi Pendahuluan Tunai tidak dibenarkan untuk Kad-i Korporat BSN Visa</i>
Yuran Penggantian Kad-i Korporat	Penggantian kad untuk kali pertama adalah percuma. Caj penggantian kad untuk kali yang kedua dan seterusnya adalah RM50 untuk setiap kad.
Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kad Kredit Utama – RM25 setahun bagi setiap kad</li> <li>Kad Kredit Tambahan – RM25 setahun bagi setiap kad</li> </ul>
Tukaran Bagi Transaksi Luar Negara	Transaksi yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar harian transaksi kerana berdasarkan harga turun naik pasaran. Kadar pertukaran adalah berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Visa International ditambah kos pentadbiran sebanyak 1.5% serta termasuk sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International.
Yuran untuk Permintaan Draf Jualan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Draf Jualan Asal – RM15 setiap satu salinan</li> <li>Salinan Fotokopi Draf Jualan – RM5 setiap satu salinan</li> </ul>
Yuran Penyata Tambahan Kad Kredit	RM5 bagi setiap penyata bulanan.
Bayaran	Bayaran melalui elektronik (IBG / RENTAS) atau sebarang pembayaran lain yang dipersetujui bersama BSN dan pelanggan.
*Lain-lain Yuran dan Caj	Akan dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa bagi semua perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad dengan notis 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan.

\* Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Akaun Kad-i Korporat BSN Visa anda kecuali Yuran Pengurusan untuk transaksi runcit adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

- Yuran Pengurusan**

- i. Yuran Pengurusan Tetap**

Yuran Pengurusan Tetap adalah had maksimum Yuran Pengurusan Sebenar yang akan dicajkan. Sekiranya Yuran Pengurusan Sebenar melebihi Yuran Pengurusan Tetap, pihak BSN hanya boleh mengenakan yuran kepada Organisasi setakat kadar Yuran Pengurusan Tetap seperti di bawah:

Jenis Kad	Yuran Pengurusan Tetap
Kad-i Korporat BSN Visa	18% setahun

Pihak Bank, harus memberikan rebat (Ibra') kepada pihak Organisasi yang mana jumlahnya akan ditentukan oleh pihak Bank. Jumlah rebat (Ibra'), akan ditentukan berdasarkan kepada perbezaan antara Yuran Pengurusan Tetap dan Yuran Pengurusan Sebenar. Jika Organisasi membuat bayaran penuh sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran setiap bulan, pihak Bank tidak boleh mengenakan sebarang caj Yuran Pengurusan Sebenar untuk bulan tersebut. Rebат (Ibra') pada Yuran Pengurusan Tetap adalah tertakluk kepada garis panduan Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia ke atas Struktur Penetapan Harga Berperingkat.

## ii. Yuran Pengurusan Sebenar

### Pembelian Runcit

Yuran Pengurusan Sebenar akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan Yuran Pengurusan Sebenar bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i Korporat berdasarkan kadar berikut:

Jenis Kad	Yuran Pengurusan Sebenar
Kad-i Korporat BSN Visa	9% setahun

**Nota:**

**Sektor Kerajaan: Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.**

## 5. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- Hak Untuk Tolak Selesai**

Sekiranya ada, BSN berhak, dengan notis, untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Organisasi dengan BSN untuk menunaikan atau memindahkan wang untuk membayar baki tertunggak Kad-i Korporat pada bila-bila masa.

- Liabiliti untuk Transaksi yang Tidak Diberikuasa**

Organisasi dan Pemegang Kad mesti mengamalkan langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan Kad-i Korporat BSN Visa. Jika Kad-i Korporat BSN Visa hilang atau dicuri, Organisasi dan/atau Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada pihak kami dengan serta-merta, diikuti dengan pengesahan bertulis bersama dengan salinan laporan polis tidak lewat dari tujuh (7) hari dari kejadian tersebut.

Organisasi dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk:

- transaksi tanpa kebenaran berdasarkan PIN sekiranya anda:
    - melakukan penipuan; atau
    - menangguhkan dalam memberitahu Bank dengan secepat yang mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad-i Korporat BSN Visa tanpa kebenaran; atau
    - secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
    - mencatatkan PIN pada Kad-i Korporat BSN Visa atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad-i Korporat .
  - transaksi yang tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh (*contactless*), sekiranya anda :
    - melakukan penipuan; atau
    - menangguhkan dalam memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad-i Korporat BSN Visa tanpa kebenaran.
    - meninggalkan Kad-i Korporat BSN Visa atau item yang mengandungi Kad-i Korporat BSN Visa anda tanpa jagaan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain.
    - secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad-i Korporat BSN Visa anda.
- Sekiranya Organisasi dan/atau Pemegang Kad gagal mematuhi terma dan syarat Kad-i Korporat BSN Visa, kami berhak untuk menamatkan Kad-i Korporat BSN Visa anda dan keseluruhan baki tertunggak hendaklah serta merta dibayar kepada BSN.

- Kami berhak, dengan notis, menarik balik semua kemudahan kredit lain yang dimiliki oleh Organisasi dengan kami sekiranya berlaku kegagalan membayar Kad-i Korporat BSN Visa atau jika Organisasi dan/atau Pemegang Kad melanggar mana-mana terma dan syarat Kad-i Korporat BSN Visa.

## **6. Apakah risiko utama?**

- Sekiranya Organisasi tidak membuat bayaran penuh, yuran pengurusan dan masa yang diambil untuk menjelaskan jumlah keseluruhan baki akan meningkat.
- Sekiranya Organisasi menghadapi masalah membayar baki Kad-i Korporat BSN Visa, sila hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Jika kami mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan pada Akaun Kad-i Korporat BSN Visa anda, kami akan menyekat hak kemudahan Kad-i Korporat BSN Visa sementara sehingga aktiviti tersebut disahkan.
- Organisasi dan/atau Pemegang Kad harus memberitahu kami dengan serta-merta setelah mendapati bahawa Kad-i Korporat BSN Visa hilang atau dicuri.

## **7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk pihak Organisasi memaklumkan kepada kami dengan segera apa-apa perubahan dalam alamat perniagaan dan nombor telefon untuk memastikan semua surat-menyerat sampai kepada Organisasi tepat pada masanya. Untuk mengemas kini butiran peribadi, anda boleh menghubungi kami melalui salah satu saluran berikut:

Tel : 1300-88-1900

Faks : 03-2688 0888

Emel : [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

## **8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan tentang Kad-i Korporat BSN Visa ini, anda boleh mengunjungi laman web kami di [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my) atau tulis ke alamat:

Jabatan Perniagaan Kad & CRM ,  
Bank Simpanan Nasional, Tingkat  
Bawah, Blok A  
117 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-88-1900  
Faks : 03-2688 0888  
Emel : [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465  
Faks : 03-2174 1515  
Emel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAKI KAD-i KORPORAT BSN VISA ANDA.**

Maklumat yang terkandung di dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 15 Ogos 2023.